

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Ekonomi dijangka berkembang 4.6 peratus Mei

Ekonomi dijangka berkembang 4.6 peratus Mei

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka melonjak semula pada Mei 2023 selepas menguncup pada April 2023 berikutan cuti perayaan yang panjang, demikian kata Maybank Investment Bank Group (Maybank IBG).

Bank pelaburan itu dalam nota penyelidikannya berkata, ekonomi negara ini dijangkakan berkembang 4.6 peratus pada Mei 2023 berdasarkan penjejak KDNK bulannya.

Katanya, peningkatan semula itu pertumbuhan KDNK itu selepas jangkaan penurunan 1.0 peratus pada April 2023.

Ia berkata, penjejak bulanan yang diguna pakai pihaknya adalah berdasarkan prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI), Indeks Perdagangan Pengedaran (DTI), yang mewakili

52.5 peratus KDNK.

"Dengan memasukkan penunjuk ini ke dalam penjejak KDNK bulanan, kami menganggarkan KDNK bulanan melantun semula 4.6 peratus pada Mei 2023 berbanding -1.0 peratus pada April 2023 dan purata 1.8 peratus pada April hingga Mei 2023 (+5.6 peratus pada suku pertama 2023).

"Unjuran pertumbuhan KDNK benar setahun penuh kami ialah 4.5 peratus (2022: 8.7 peratus).

"KDNK meningkat semula pada Mei 2023 selepas terjejas pada April 2023 oleh perlanjutan cuti umum Aidilfitri dari 21 hingga 24 April 2023," katanya.

Dari bulan ke bulan, IPI meningkat 7.3 peratus pada Mei 2023, sementara DTI pula naik 0.7 peratus dan MSM meningkat 26.8 peratus.

Berdasarkan perbandingan

dari tahun ke tahun, aktiviti ekonomi meningkat selepas Hari Raya dengan IPI pada Mei 2023 melantun semula 4.7 peratus.

Aliran meningkat juga dicatatkan pembuatan yang meningkat 5.1 peratus dari tahun ke tahun pada Mei 2023, perlombongan naik 2.9 peratus dan elektrik meningkat 5.0 peratus.

Maybank IBG berkata, Jabatan Perangkaan Malaysia buat kali pertama akan mengeluarkan KDNK suku tahunan awal pada 21 Julai 2023 untuk suku kedua 2023, diikuti dengan keluaran KDNK suku kedua 2023 benar pada 18 Ogos 2023.

